



Plastik mesra alam bantu pulihara ekosistem

SALAH satu punca utama yang menyumbang kepada kemerosotan ekosistem adalah masalah pencemaran sisa pepejal terutamanya plastik. Penggunaan plastik seolah-olah tidak dapat dielakkan oleh pengguna terutamanya untuk tujuan pembungkusan walaupun ia adalah bahan yang sangat tidak sihat kepada alam sekitar.

Para peniaga makanan dan kedai runcit masih memilih untuk menggunakan plastik kerana harganya murah manakala masyarakat pula cenderung menggunakan pembungkusan plastik kerana lebih praktikal dan mudah daripada membawa beg dan bekas makanan sendiri semasa keluar bersantai ataupun membeli-belah.

Lebih memburukkan keadaan apabila plastik yang digunakan dibuang merata-rata. Ini bukan sahaja mengundang pemandangan yang kurang enak, tetapi turut memudaratkan kesihatan manusia dan hidupan lain termasuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Misalnya, beg-beg plastik yang hanyut ke laut boleh membunuh spesies penyu dan haiwan marin lain kerana menyangkakan ia adalah obor-obor.

Penggunaan bahan plastik yang berterusan akan mengancam keseimbangan ekosistem kerana bahan ini lazimnya sukar mereput dan mengambil masa kira-kira 500 tahun untuk proses pereputan. Selain sukar mereput, pengeluaran, pembuangan dan proses pereputannya juga secara langsung menyumbang kepada pembentukan gas rumah hijau yang menjadi punca utama berlakunya pemanasan global.

Kebimbangan tentang masalah pencemaran bahan plastik walau bagaimanapun sedikit terubat apabila tercetusnya inisiatif menghasilkan plastik mesra alam daripada kanji dan serbuk agar-agar oleh seorang penuntut Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Putra Malaysia baru-baru ini. Usaha seumpama ini adalah amat baik sebagai alternatif dan inovasi bagi menggantikan bahan plastik sedia ada yang ternyata memberi kesan buruk terhadap alam sekitar.

Sudah tiba masanya kita mengorak langkah dengan hanya memberi tumpuan kepada industri dan pengeluaran plastik mesra alam. Masyarakat perlu disedarkan tentang bahaya penggunaan bahan plastik yang biasa digunakan pada hari ini yang mana bahan asasnya adalah petroleum yang menghasilkan toksik apabila dilupuskan melalui pembakaran.

Plastik yang dihasilkan daripada petroleum ini juga adalah tidak lupus jika dibuang ke tanah, sungai atau laut. Faktor-faktor inilah yang menyebabkan penggunaan bahan plastik jenis ini sangat berbahaya bukan sahaja terhadap alam sekitar, bahkan juga manusia dan hidupan lain seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Hal ini berbeza dengan plastik mesra alam yang diperbuat daripada sumber alam semula jadi yang boleh lupus sekiranya ditanam di dalam tanah mahupun terendam di dalam air. Selain mudah dilupuskan, plastik mesra alam juga diperbuat daripada bahan-bahan asas semula jadi yang senang diperolehi melalui penanaman. Sedangkan, plastik biasa daripada petroleum pula adalah terhad sumbernya dan pastinya akan menyusut dan kehabisan pada bila-bila masa sahaja.

Selain itu, antara kebaikan lain plastik mesra alam juga ialah apabila industri pemprosesan bahan juga adalah bebas daripada sisa toksik. Dalam erti kata lain, plastik mesra alam merangkumi aspek menggunakan sisa pertanian sebagai bahan asas, pemprosesan, penggunaan produk bebas toksik dan pelupusan yang mesra alam.

Justeru, promosi dan galakan yang berterusan perlu diberikan kepada masyarakat bagi menitipkan kesedaran kepada mereka untuk memilih produk-produk mesra alam, selain kerajaan sendiri berusaha menghentikan segera industri dan pengeluaran bahan-bahan plastik daripada petroleum.

Sekiranya penggunaan plastik mesra alam secara sepegunya dapat direalisasikan, maka keseimbangan alam sekitar dan ekosistem akan terjaga dan persekitaran bersih akan dapat dikekalkan. Hal ini bertepatan dengan peranan yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT kepada manusia selaku khalifah di atas muka bumi yang ditugaskan untuk memakmurkan alam ini dengan sebaik-baiknya sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dialah yang menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya."* (Surah Hud, ayat 61).